

09 MAY 1996

PAHANG SUMBANG 60 RUMAH KEPADA KEMBOJA

KUANTAN, 9 Mei (Bernama) -- Kerajaan Negeri Pahang menyumbang 60 rumah kepada Pusat Pembangunan Samdech Hun Sen di Phnom Penh.

Lima rumah yang siap dibina diserahkan kepada Perdana Menteri Kedua Kemboja Hun Sen oleh Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob pada satu majlis di Krang Yov, kira-kira 48km dari Phnom Penh, semalam.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, kira-kira 4,000 orang menghadiri majlis itu.

Kenyataan itu menambah Hun Sen mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memainkan peranan utama dalam membentuk hubungan baik antara kedua-dua negara.

Hun Sen menyifatkan sumbangan rumah itu sebagai bantuan besar yang sangat bermakna untuk negaranya serta dapat mengukuhkan hubungan dua hala.

Pusat Pembangunan Samdech Hun Sen, sebuah pusat pemulihan, ditubuhkan tahun lepas. -- BERNAMA

ROS NAK